

Amalan bilingual: Alternatif terbaik mengelakkan kepupusan bahasa ibunda

UB 7.11.2018 B3

MINDA PENDIDIK

Oleh PROF. MADYA DR. ABDUL SAID
AMBOTANG & RAINI YUSUF

SABAH merupakan sebuah negeri kedua terbesar di Malaysia yang mempunyai lebih kurang 33 senarai etnik dan berkomunikasi dalam 50 bahasa. Sungguhpun demikian bahasa kebangsaan merupakan bahasa pertuturan utama. Penggunaan bahasa kebangsaan secara meluas sedikit sebanyak telah memberikan ancaman kepupusan bahasa minoriti.

Kepupusan bahasa ini berlaku apabila bahasa yang pernah digunakan dalam sesebuah masyarakat tidak lagi wujud kerana tiada lagi penutur yang wujud untuk bahasa itu. Ancaman kepupusan bahasa ibunda yang diwarisi secara turun-temurun berlaku apabila generasi demi generasi tidak menggunakan bahasa ibunda itu sebagai bahasa pertuturan dalam sesebuah keluarga.

Dalam menghadapi masalah kepupusan bahasa ini, perkara utama yang perlu diserapkan ialah kesedaran dalam kalangan ibu bapa generasi pada hari ini untuk mengamalkan pertuturan yang menggunakan bahasa ibunda bermula dari rumah. Amalan penggunaan satu bahasa ibu bapa pada generasi ini adalah disebabkan oleh beberapa kepercayaan bahawa penggunaan bahasa ibunda akan menyebabkan masalah dalam bersosial dan juga akan memberikan kesan kepada penguasaan akademik anak-anak mereka apabila bersekolah kelak.

Penggunaan dwibahasa dalam kalangan ibu bapa merupakan salah satu alternatif terdekat yang dapat digunakan untuk kelangsungan bahasa ibunda kita. Dwibahasa atau juga dikenali sebagai bilingual ialah keupayaan seseorang untuk bercakap dalam dua bahasa dengan fasih. Kefasihan

menggunakan dua bahasa atau lebih merupakan suatu aset berharga yang tidak ternilai kepada individu, keluarga dan masyarakat itu sendiri.

Kemahiran menggunakan dwibahasa dapat diperoleh dengan dua acara. Pertama, ia berlaku apabila anak dibesarkan dengan menggunakan dwibahasa sejak lahir ataupun bahasa kedua diperkenalkan pada usia kanak-kanak masih di bawah 3 tahun. Pembelajaran dua bahasa dalam kalangan kanak-kanak akan berlangsung sepertimana dalam peringkat perkembangan kanak-kanak yang menggunakan satu bahasa. Pada umur di bawah 3 tahun kanak-kanak cenderung untuk mencampurkan perkataan atau sebahagian daripada patah perkataan. Perkara seperti ini berlaku mungkin disebabkan oleh kanak-kanak itu mengetahui perkataan berkenaan dalam satu bahasa tapi tidak pada bahasa yang lain. Bagaimanapun pada umur 4 tahun ke atas kanak-kanak akan mula dapat membezakan kedua-dua bahasa itu dan akan menggunakannya secara berasingan.

Kanak-kanak berumur di bawah 3 tahun berkeupayaan untuk membezakan dua bahasa dan berkeupayaan untuk membezakan bahasa berdasarkan kepada siapa mereka sedang berkomunikasi pada peringkat awal mempelajari bahasa itu. Contohnya, anak akan bercakap Bahasa Melayu ketika berkomunikasi dengan bapa dan apabila berkomunikasi dengan ibu anak berkenaan akan berkomunikasi dalam Bahasa Dusun.

Kedua, kemahiran menggunakan dwibahasa berlaku apabila kanak-kanak diajar menggunakan bahasa kedua hanya setelah bahasa pertama telah dikuasai. Lazimnya, ia akan berlaku ketika kanak-kanak berumur 3 tahun ke atas. Contoh situasi ialah ibu bapa menggunakan

bahasa ibunda secara eksklusif di rumah sehinggalah kanak-kanak itu memulakan persekolahan mereka.

Secara relatifnya apabila kanak-kanak mula bersekolah proses pengajaran dan pembelajaran akan dibuat dalam pelbagai bahasa. Situasi lain ialah, kanak-kanak mungkin akan mempelajari bahasa kedua apabila berhijrah ke negara lain yang menggunakan bahasa yang berbeza.

Perkembangan bahasa bagi kanak-kanak yang mengamalkan dwibahasa di rumah pada dasarnya akan mempelajari kedua-dua bahasa itu dalam masa yang sama. Pola bahasa dan perkembangan percakapan adalah sama seperti kanak-kanak yang menggunakan satu bahasa sahaja. Oleh itu, pada kebiasaannya satu ayat pertama yang disebut oleh kanak-kanak akan bermula pada umur satu tahun dan akan mula menggabungkan dua patah perkataan pada umur mereka mencapai dua tahun. Sungguhpun kedua-dua bahasa itu tidak menggunakan sebutan yang mempunyai persamaan dalam penggunaannya tetapi pada akhirnya kanak-kanak itu akan berupaya untuk menguasai kedua-dua bahasa.

Suatu kajian di Washington DC pernah dilakukan terhadap 24 ibu bapa yang ingin membesarkan anak-anak mereka yang berusia sejak lahir hingga 5 tahun sebagai penutur dwibahasa Spanish - English. Ibu bapa berkenaan adalah datang daripada latar belakang ekonomi dan budaya yang berbeza. Hasil dapatan dari kajian itu dirumuskan kepada tiga perkara utama iaitu;

Sungguhpun ramai ibu bapa percaya bahawa penggunaan dwibahasa akan menyebabkan kelewatan dalam bertutur, pengkaji mencadangkan bahawa kelewatan bertutur kanak-kanak yang menggunakan monolingual dan dwibahasa berlaku dalam jangka masa

normal seperti kanak-kanak yang menggunakan satu bahasa sahaja. Ini bermaksud penggunaan dwibahasa terhadap kanak-kanak tidak akan menyebabkan kelewatan bertutur dalam kalangan anak-anak. Hasil dapatan ini turut disokong oleh beberapa kajian lain yang turut mendapati bahawa penggunaan dwibahasa tidak akan menyebabkan kelewatan bertutur.

Kerisauan ibu bapa seterusnya ialah kerisauan terhadap wujudnya kekeliruan dalam penggunaan bahasa dalam kalangan anak-anak mereka. Tidak ada bukti kajian yang menyokong berkaitan kekeliruan dalam kalangan kanak-kanak itu. Sebaliknya penggunaan dua bahasa ketika berkomunikasi adalah sebagai tanda penguasaan kedua-dua bahasa berkenaan.

Ramai ibu bapa yang bergantung kepada televisyen dan menganggap televisyen sebagai sumber menarik untuk menyokong mempelajari bahasa kedua. Bagaimanapun pengkaji menyatakan bahawa interaksi secara individu dan bersemuka adalah cara terbaik untuk mempelajari bahasa. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa interaksi secara bersemuka dan bertutur secara langsung dengan individu yang turut menggunakan bahasa yang sama akan mempelajari sesuatu bahasa dengan lebih cepat.

Sehubungan dengan kebimbangan ibu bapa di atas, kajian yang dapat membuktikan bahawa penggunaan bahasa kedua yang kerap di rumah adalah dimestikan untuk kanak-kanak mempelajari bahasa kedua adalah tidak ada. Sebaliknya, kajian mendapati bahawa kanak-kanak yang mempunyai asas yang kuat dalam bahasa ibunda (bahasa yang digunakan di rumah) akan dapat mempelajari bahasa kedua dengan lebih mudah. Kanak-kanak juga mempunyai risiko yang tinggi untuk kehilangan

bahasa ibunda mereka jika bahasa ibunda itu tidak disokong dengan penggunaan bahasa ibunda secara berterusan di rumah.

Berlawanan dengan tanggapan dan kerisauan yang kurang tepat mengenai penggunaan dwibahasa. Penggunaan dwibahasa sebenarnya membawa banyak kebaikan kepada yang mengamalkannya. Ia dibahagikan kepada beberapa iaitu dari segi perkembangan kognitif, kanak-kanak yang mengamalkan dwibahasa ini akan mempunyai otak yang aktif dan fleksibel.

Terdapat kajian mendapati bahawa kanak-kanak yang menggunakan dwi bahasa mempunyai pemahaman dalam konsep Matematik dan juga menyelesaikan masalah perkataan; memiliki kemahiran berfikir yang tinggi; menggunakan logik; lebih fokus, mudah mengingat dan membuat keputusan.

Seterusnya dari segi perkembangan sosial-emosi, penggunaan dwibahasa ini akan mengekalkan hubungan yang kuat di antara keluarga, budaya dan komuniti. Kanak-kanak yang menggunakan dwibahasa berupaya untuk berkomunikasi dengan rakan baru dan akan mewujudkan hubungan yang kuat dengan menggunakan bahasa kedua. Terdapat kajian yang mendapati bahawa bayi yang dibesarkan dalam rumah yang menggunakan dwibahasa mempunyai kawalan diri yang lebih baik.

Kebaikan penggunaan dwi bahasa yang seterusnya ialah dari segi pembelajaran. Kanak-kanak yang menggunakan dwi bahasa atau multilingual akan memiliki pelbagai kelebihan dalam pelbagai perkara. Di antaranya ialah mereka berupaya untuk menukarkan jenis bahasa, mereka mempunyai pendekatan yang fleksibel dalam menyelesaikan masalah.

Keupayaan untuk membaca

dan berfikir dalam dua atau lebih bahasa akan meletakkan diri mereka dalam peringkat berfikir yang abstrak. Terdapat kajian terkini yang mendapati bahawa individu yang menggunakan lebih dari satu bahasa mempunyai keupayaan yang lebih baik dalam menyekat maklumat yang tidak relevan.

Natijahnya, amalan penggunaan dwibahasa yang diserapkan oleh ibu bapa terhadap kanak-kanak yang bermula di rumah membawa kesan yang positif dari pelbagai sudut. Ia dapat mengekalkan budaya dan keunikan bangsa dan bahasa dalam golongan masyarakat yang pelbagai di Sabah. Di samping itu kanak-kanak yang terdedah kepada penggunaan dwibahasa akan mempunyai kelebihan dalam penguasaan bahasa apabila memasuki dunia pekerjaan kelak.

Selain itu, ia juga meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah dalam kanak-kanak. Bagi merealisasikan kesinambungan bahasa dalam setiap generasi. Ibu bapa perlu memikirkan dengan lebih serius mengenai amalan penggunaan dwi bahasa agar kelangsungan identiti, bahasa dan budaya tidak akan pupus.

Kerisauan mengenai kanak-kanak yang mengamalkan dwibahasa akan mengalami masalah apabila menginjakkan kaki ke sekolah perlulah diubah kerana, terdapat kajian terkini yang membuktikan bahawa dwibahasa tidak akan menyebabkan kekeliruan dalam penggunaan bahasa kanak-kanak dan tidak akan menyebabkan kelewatan bertutur.

** Penulis adalah Pensyarah Kanan dan pelajar pascasiswazah di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah*